



Kerajaan Pastikan Bekalan Industri Dan Makanan Mencukupi Menjelang Musim Perayaan Ini

MAY 15, 2020

LIMBANG: Kerajaan Sarawak akan memastikan bekalan untuk industri pembinaan dan makanan di Bahagian Limbang mencukupi sejajar dengan pembukaan sektor ekonomi dan sosial serta keperluan untuk perayaan Aidilfitri dan Gawai.

Memetik laporan UKAS, Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan berkata telah meminta pemborong untuk menambah bekalan bagi sektor pembinaan supaya kerja-kerja pembinaan yang tertangguh sebelum ini dapat dilaksanakan.

“Kita telah pun membenarkan sektor industri pembinaan dibuka.

“Salah satu bahan yang diperlukan ialah simen, besi, bata dan sebagainya.

“Jadi, jika ini tidak mencukupi ianya akan mendatangkan kelewatan kepada mereka yang hendak memulakan kerja-kerja pembinaan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke Premis Pemborong Bekalan Makanan Asas dan Simen di Limbang pada Khamis.

Datuk Amar Haji Awang Tengah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan, Menteri Pembangunan Bandar Dan Sumber Asli II Sarawak turut memaklumkan bahawa stok bekalan barangan keperluan asas sepanjang bulan Ramadan dan menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Gawai di Bahagian Limbang adalah mencukupi.

“Saya telah pun memeriksa stok gula dan setakat ini apa yang ada cuma ada dalam lingkungan 12 tan sahaja.

“Mereka telah pun membuat tempahan dalam 100 tan dan dijangka akan sampai selewat-lewatnya pada hari Isnin depan. Saya percaya ianya akan mencukupi.

“Bagi beras pula apa yang ada dalam stok mereka ini dalam lingkungan 73 tan. Mereka juga telah membuat tempahan dan dalam beberapa hari akan sampai,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau juga memaklumkan beberapa jenis barang dan stok telah dipantau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di Bahagian Limbang bagi memastikan bekalan makanan mencukupi bagi musim perayaan nanti.

“Beberapa jenis barangan dan stok yang dipantau oleh kementerian seperti telur ayam purata stok semasa 215,070 biji, ayam daging purata stok semasa 10,878 kg, minyak masak purata stok semasa 71.9 metrik tan, tepung gandum purata stok semasa sebanyak 24.5 metrik tan, gula purata stok semasa 19.6 metrik tan, beras purata stok semasa 107.2 metrik tan gas LPG purata stok semasa 2,616 tong.

KPDNHEP akan sentiasa memantau dan membuat pemeriksaan di premis perniagaan dan ianya akan dipertingkatkan terutama sekali menjelang musim perayaan Hari Raya dan Gawai Dayak.

<https://tvsarawak.com/kerajaan-pastikan-bekalan-industri-dan-makanan-mencukupi-menjelang-musim-perayaan-ini/>

